
ULASAN BUKU/ BOOK REVIEW

TERASING DI BUMI ASING: NARATIF RINTIHAN WARGA PELARIAN

Mohd Nazri Ibrahim

Universiti Teknologi MARA, Malaysia

nazri3498@uitm.edu.my

Refugees in Malaysia: Voices of the Displaced oleh Azizah Hamzah & Mohd Yahya Mohd Ariffin (peny.), Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2021, 195 pp (ISBN: 9789674408657)

Imej Pulau Bidong di pesisir Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang sarat dipenuhi pelarian Vietnam yang sampai sebagai *boat people* barangkali sudah hilang daripada ingatan masyarakat di Malaysia, namun ia berganti pula dengan foto kebanjiran pelarian Rohingya sehingga kini. Hakikatnya, isu pelarian terus signifikan kepada negara ini kerana impaknya yang berterusan terhadap segenap aspek seperti keselamatan negara, diplomasi serantau, dan politik antarabangsa, sehingga menyentuh kehidupan sosial setiap warga tempatan. Selagi ada krisis kemanusiaan yang mengakibatkan aktiviti rentas sempadan demi keselamatan nyawa dan harta, maka selagi itulah isu pelarian akan terus signifikan untuk dibincangkan.

Golongan pelarian telah menjadi tumpuan liputan media antarabangsa dan tempatan sejak sekian lamanya. Konflik negara jiran yang menyebabkan sehingga ribuan malahan pada skala besar mencecah jutaan warga sesebuah negara melarikan diri melepas sempadan negara demi keselamatan nyawa dan harta-benda menjadikan pelarian dan pemohon suaka mempunyai nilai berita yang penting, terutamanya kepada media antarabangsa. Dalam konteks Malaysia, kemelut yang timbul akibat konflik serantau seperti di Indo-China, Myanmar, Filipina, Indonesia dan Thailand menjadikan negara ini sebagai tumpuan untuk mendapatkan perlindungan sementara. Pergerakan rentas sempadan oleh para imigran tanpa dokumen ini telah memberi kesan kepada kebebasan, keamanan dan kemajuan ekonomi pada peringkat negara dan antarabangsa (Bigo, 2000). Kestabilan ekonomi, sosial dan politik di negara ini terus menarik kedatangan para pelarian dan pemohon suaka untuk mendapatkan perlindungan sebelum berpindah ke negara ketiga, sekiranya ada.

Data oleh Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR) pada tahun 2020 menunjukkan sejumlah 178,000 pelarian dan pemohon suaka berada di Malaysia. Jumlah itu tentulah tidak termasuk anggaran angka tidak rasmi yang sebenarnya lebih tinggi. Justeru, usaha mendokumentasikan isu imigran tanpa pasport dan dokumen rasmi ini dalam bentuk penerbitan buku adalah sangat penting sebagai rujukan. Buku *Refugees in Malaysia: The Voices of the Displaced* yang disunting oleh Azizah Hamzah dan Mohd Yahya Mohd Ariffin ini diterbitkan tepat pada masanya kerana permasalahan berkaitan pelarian di Malaysia adalah begitu kompleks dan akan terus berpanjangan. Hal ini demikian

kerana Malaysia tidak menandatangani Konvensyen Pelarian 1951 yang menyebabkan tiadanya polisi yang khusus kepada para pelarian dan pemohon suaka. Pada kebanyakan masa, para pelarian dilayan berpandukan prinsip kemanusiaan dan tidak tertakluk kepada kerangka perundangan yang khusus kepada para pelarian. Mereka hanya “menumpang” liputan undang-undang terhadap imigran yang tidak sah.

Para penulis buku ini telah membincangkan isu pelarian pada tahap tempatan dan antarabangsa dengan memberi fokus kepada pelarian wanita Islam dari Myanmar dan Yaman yang berlindung di Malaysia. Data primer telah dikumpulkan daripada temu bual berfokus dengan para pelarian Yaman dan Rohingya bagi mengungkapkan pengalaman para pelarian berkenaan secara lebih objektif dan ilmiah. Buku ini merakamkan naratif para pelarian beragama Islam secara ilmiah bagi memperlihatkan pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh warga global tanpa dokumen pengenalan diri yang sah. Apa yang lebih kompleks adalah tiadanya pengiktirafan status pelarian yang menafikan akses kepada pekerjaan dan pendidikan. Bantuan kemanusiaan yang dihulurkan oleh kerajaan Malaysia telah memberi sedikit kelegaan namun para pelarian pasti menunggu kelulusan ke negeri ketiga yang tidak mudah diperolehi. Keraguan, kebimbangan, dan kekeliruan yang dialami para pelarian ini menjadi fokus kepada penulisan sebahagian besar bab dalam buku ini.

Aspirasi keamanan dan kemanusiaan sejahtera yang didokong oleh para pengarang buku ini terlihat daripada pembahagian kandungan buku ini yang cuba memberi ruang dan peluang kepada para pelarian untuk bercerita tentang asbab yang memaksa mereka melarikan diri dan berada di negara asing. Cerita pahit getir untuk mereka yang mula sampai ke tanah asing dan proses penyesuaian diri yang sukar memberi peluang kepada para pembaca untuk mendapatkan perspektif pelarian secara lebih realistik dan tuntas. Walaupun pelarian di Malaysia sebahagian besarnya dilihat sebagai beban oleh warga tempatan dan agensi negara, bantuan kemanusiaan yang dihulurkan sejak tahun 1980an kepada pelarian tetap menjanjikan seribu harapan kepada para pelarian itu. Para penulis buku ini cuba melakarkan situasi sebenar yang dialami oleh para pelarian dan mengajak para pembaca untuk merenung impian para pelarian berkenaan yang mendambakan hari muka yang lebih bahagia.

Perbincangan dalam buku ini adalah menarik untuk direnungi walaupun datanya berkisar kepada pengalaman yang dikumpulkan daripada sampel kecil para pelarian wanita Rohingya dan Yaman di Malaysia yang mungkin tidak mewakili lebih 22.5 juta pelarian di seluruh dunia. Kisah perjuangan pelarian Islam yang meneruskan kehidupan di negara ini seperti cabaran menguruskan pendidikan kepada anak-anak dan seterusnya mendapatkan peluang kerja yang bukan mudah untuk mereka yang berstatus pelarian adalah begitu bermakna kepada para pembaca, terutamanya ketika akses pendidikan adalah suatu hak asasi kepada semua warga global. Selain itu, kandungan buku ini yang komprehensif akan memberi panduan kepada para penggubal dasar untuk menilai keberhasilan program bantuan kemanusiaan kepada para pelarian dan pemohon suaka dalam beberapa dimensi sosial.

Buku ini adalah medan eksplorasi kepada kehidupan peribadi para pelarian berkenaan yang melebihi sekadar kutipan data bernombor seperti jumlah dan asal negara mereka. Buku ini disusun dalam lima bab yang ditulis oleh beberapa penyelidik dari Universiti Malaya, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia yang terlibat dengan kajian lapangan dan juga kajian sekunder. Apa yang

menariknya beberapa penulis buku ini juga datang dari negara bergolak seperti Yaman dan Palestin.

Sebelum menyengkap isi kandungan buku ini dengan rinci, takrif pelarian dan pemohon suaka yang digunakan oleh para penulis buku ini adalah berdasarkan ketetapan UNHCR, agensi antarabangsa yang mengurus hal-ehwal pelarian dan pemohon suaka. Menurut UNHCR, pelarian adalah mereka yang terpaksa melarikan diri dari negara masing-masing demi keselamatan nyawa yang terancam disebabkan oleh perang, keganasan dan ancaman kepada mereka disebabkan oleh isu kerakyatan, bangsa, agama, perbezaan kumpulan sosial, dan fahaman politik (UNHCR, 2019). Seseorang pelarian yang melalui proses pengesahan oleh UNHCR akan diberikan *refugee status determination (RSD)* bagi membolehkan mereka dikenali sebagai pelarian di negara ketiga. Pemohon suaka pula merujuk kepada pelarian yang sedang menunggu permohonan mereka disahkan dan diproses sepenuhnya (*The Star*, 2018).

Perbincangan mengenai konteks utama buku ini dimulakan oleh Ruhanas Harun yang menggalurkan fenomena pelarian dan pemohon suaka di Malaysia yang berbeza dengan negara lain seperti Jerman. Beliau menegaskan bahawa ketiadaan perakuan Malaysia dalam Konvensyen Pelarian 1951 telah melepaskan tanggungjawab perlindungan kepada para pelarian. Justeru, bantuan kemanusiaan yang dihulur sejak pelarian Vietnam membanjiri pantai Semenanjung Malaysia pada dekad 1970-an dan 1980-an adalah lebih kepada simpati dan prihatin kepada manusia yang mencari keselamatan diri jauh daripada sempadan negara mereka. Ruhanas berhujah bahawa ketiadaan perakuan Malaysia dalam Konvensyen 1951 itu juga menjadikan para pelarian tidak dilindungi dan diungkapkan dalam prosedur di bawah justifikasi Akta Imigresen 1959/63. Oleh itu, mereka tidak mempunyai hak mengikuti perundangan Malaysia. Peruntukan akta itu juga menjadikan para pelarian dan pemohon suaka sama seperti para imigran tanpa dokumen sah yang boleh dipenjarakan, dirotan, ditahan atau diusir jika memasuki atau berada di Malaysia tanpa kepatuhan undang-undang. Fakta ini meletakkan tanggungjawab menjaga kebajikan pelarian selama ini oleh Malaysia sebagai suatu usaha bersama komuniti antarabangsa untuk membantu para pelarian (Azizah & Yahya, 2021: 22-23).

Ruhanas juga membincangkan dengan terperinci isu, pendekatan dan implikasi para pelarian kepada kestabilan serantau. Beliau menjelaskan isu pelarian mengikut kategori negara yang mempunyai beberapa dimensi tersendiri dalam punca dan implikasi kepada Malaysia. Misalnya, kebanjiran para pelarian dari Selatan Thailand dan Selatan Filipina tentulah berbeza kesannya dengan para pelarian dari negara Timur Tengah seperti Palestin, Syria dan Sudan. Deskripsi yang jelas oleh Ruhanas adalah notasi objektif dalam ulasan beliau sebagai seorang pakar dalam perhubungan antarabangsa dan strategik. Beliau berjaya memberikan latar permasalahan para pelarian dan pihak tempatan yang menerima dan membantu pelarian tersebut. Bagi Ruhanas, pelarian dari negara bukan serantau seperti dari negara Arab dan Afrika tidak memberi implikasi yang besar kepada negara kita dari segi keselamatan dan sosiopolitik kerana faktor jarak yang jauh itu. Jumlah mereka yang kecil juga membataskan kesan pengurusan para pelarian kepada pentadbir negara.

Implikasi yang lebih besar dan sukar diurus pastinya timbul disebabkan kehadiran pelarian Rohingya. Mereka bukan sahaja antara kelompok pelarian yang bermasalah untuk diurus oleh Malaysia tetapi juga menjadi beban kepada masyarakat global. Pelarian Rohingya yang berjumlah 1.2 juta pada tahun 2007 menghuni negeri Rakhine atau Arakan (Ekeh &

Smith, 2007). Tekanan dan konflik berterusan di Myanmar terhadap masyarakat Rohingya yang beragama Islam telah menyebabkan polemik dan perdebatan dalam konteks tempatan berikutnya lambakan pelarian Rohingya di Malaysia sejak 2016. Misi kemanusiaan yang dilancarkan sejak itu mewujudkan dilema kerana status pelarian Rohingya sebagai *stateless people* dan konteks perundungan di Malaysia yang berkuatkuasa mulai tahun 1992. Justeru, pelarian yang tiba tanpa dokumen akan dikenakan tindakan yang sama dengan imigran tanpa dokumen yang sah. Permasalahan yang timbul adalah para pelarian Rohingya tidak boleh dihantar pulang ke negara asal mereka dan hanya boleh dihantar ke sempadan negara. Akhirnya mereka kembali memasuki Malaysia dan terlibat dalam kegiatan yang berisiko tinggi seperti pemerdagangan manusia. Ruhanas telah membentangkan permasalahan ini dengan objektif dan mengiktiraf sumbangan pelbagai pihak berkepentingan dalam mengurus isu pelarian.

Bab kedua dalam buku ini memuatkan perkongsian pengalaman para pelarian ketika mereka dalam transit di Malaysia. Para penulis bab kedua buku ini telah menemubual para pelarian Rohingya dan Yaman secara temu bual kumpulan berfokus bagi menggali naratif yang telah dikongsi oleh para pelarian itu. Temu bual berfokus yang dilakukan dengan dua kumpulan pelarian wanita Rohingya dan Yaman diadakan pada penghujung tahun 2018. Apa yang menariknya, temu bual kumpulan berfokus ini adalah yang pertama kali diadakan terhadap para pelarian di Malaysia. Kumpulan penulis bab kedua terdiri daripada Azizah Hamzah, Mohd Yahya Mohd Ariffin, Fauziah Hanim Abdul Ree, Fatima Al-Majdhoub dan Hizzral Tazzif Hisham.

Dapatkan kajian pada seksyen pertama dan kedua dalam bab ini berupaya mendapatkan perspektif dan pengalaman para pelarian wanita dari dua buah negara bergolak sepanjang mereka berada di negara ini. Pelarian Rohingya yang menjadi majoriti pelarian Islam di negara ini mempunyai beberapa sisi persamaan dengan nasib pelarian dari Yaman yang berada di Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat berapa sudut perbezaan dimensi pengalaman yang dialami oleh kedua-dua kumpulan kajian berkenaan. Pelarian Rohingya yang mungkin dilihat tinggal di kawasan kurang selesa oleh warga Malaysia menyuarakan kepuasan hati mereka dengan kemudahan tempat tinggal dan kemudahan yang selesa. Hal ini berbeza dengan informan dari Yaman yang tidak berpuas hati dengan kadar sewa yang semakin tinggi dikenakan kepada para pelarian yang tidak berkemampuan kerana tidak boleh bekerja. Hal ini tergambar dalam petikan berikut:

...some owners know that we are refugees...yet they tend to increase the rental that we cannot afford because our husbands could not find jobs....and if they find illegally, Immigration check and take them and put them in jail...our embassy cannot do anything...only the community gathers money to release them out.

(Peserta Y5, 2018, dlm. Azizah and Yahya, 2021: 57)

Kawasan tempat tinggal pelarian Yaman adalah secara relatifnya lebih selesa kerana demografi mereka yang kebanyakannya datang dari keluarga yang berada dan berpendidikan tinggi. Kita mungkin boleh menyimpulkan bahawa para pelarian Rohingya cukup berasa selesa jika kemudahan asas mereka dipenuhi berbanding pelarian Yaman yang melihat kenaikan harga sewa rumah yang berterusan sebagai suatu tekanan kerana mereka tidak boleh bekerja dan tidak berkemampuan bagi menampung kenaikan sewa kediaman dari semasa ke semasa.

Oleh sebab status pelarian diletakkan sama dengan imigran tanpa dokumen sah di Malaysia, isu keselamatan sangat penting kepada para informan. Diskriminasi, gangguan dan tekanan kepada imigran adalah antara isu yang dialami oleh para imigran dan pelarian di seluruh dunia. Dalam bab dua buku ini, para informan menyatakan kebimbangan mereka tentang keselamatan mereka terutamanya jika bertembung dengan pihak penguatkuasa seperti pasukan imigresen. Kebimbangan yang berlebihan juga menyebabkan anak-anak mereka trauma untuk keluar daripada kawasan rumah dan mempunyai tahap kepercayaan yang sangat rendah kepada orang luar. Kebimbangan yang membekas dalam jiwa para pelarian juga diterjemahkan dengan trauma dalam kalangan ahli keluarga apabila kawasan tumpuan atau kediaman diserbu berkali-kali oleh pihak berkuasa. Pemilikan kad UNHCR adalah sangat penting kerana mereka boleh dipenjarakan jika ditahan tanpa memiliki kad berkenaan. Walau bagaimanapun, pelarian Rohingya menyuarakan ketidakpuasan hati mereka disebabkan proses penyediaan kad UNHCR sangat perlahan sedangkan mereka perlu memiliki kad itu secepat mungkin.

Akses kepada pendidikan yang lengkap dan pekerjaan juga antara isu yang dibincangkan oleh para informan dari Yaman dan Myanmar. Mereka melahirkan kerisauan terhadap masa depan anak-anak mereka yang tidak boleh mengikuti pengajian di sekolah kebangsaan kerana status imigran tanpa dokumen sah. Bagi memenuhi keperluan memberi pendidikan kepada anak-anak, pusat pendidikan komuniti digerakkan oleh komuniti Rohingya. Ia diharap dapat memberi sedikit kemahiran menulis dan membaca. Mungkin kerana latar pendidikan yang rendah di negara asal, para pelarian Rohingya tidak merasakan adanya keperluan untuk mendapatkan pengetahuan atau kemahiran baharu. Mereka pasrah dan menyerahkan hal menyediakan pendidikan kepada para suami.

Hal ini berbeza dengan komuniti Yaman di Malaysia. Berdasarkan temu bual berfokus, para pelarian Yaman yang terdidik merasakan kebimbangan untuk mereka menguruskan pendidikan anak-anak yang sangat mahal kerana hanya institusi berkenaan yang menerima imigran. Mereka gusar kerana yuran pengajian di sekolah antarabangsa adalah sangat mahal. Ada yang berkongsi pengalaman ditolak permohonan belajar di sekolah kebangsaan yang tidak mengiktiraf kad UNHCR. Yang menariknya, penulis bab buku ini menyatakan bahawa para responden begitu bersemangat untuk kembali belajar dan mendapatkan ijazah pertama atau lanjutan. Demografi yang berbeza menunjukkan perbezaan sikap dan wawasan individu terhadap aspek tertentu.

Panel penulis bab dua juga merakamkan keinginan para pelarian dan pemohon suaka untuk bekerja di negara ini. Larangan bermiaga secara berperaturan telah meletakkan para pelarian dalam dilema kerana mereka tiada punca rezeki kerana tidak boleh bekerja di negara ini berikutan tiada identiti diri dan dokumen yang sah. Para pelarian Yaman menyatakan mereka telah didiskriminasi kerana pelarian dari negara seperti Syria diberikan kad untuk mereka bekerja di negara ini. Mereka menyifatkan ianya sebagai layanan berat sebelah (*double standard*) kepada pelarian dari negara lain seperti Yaman. Hal ini telah menjadi antara pokok perbincangan dalam bab berkenaan.

Bab dua juga merakamkan cadangan daripada pihak pelarian Yaman agar UNHCR dan pertubuhan bukan kerajaan dapat memberikan respons dan perkhidmatan yang lebih efisien. Para pelarian wanita dari Yaman menggesa agar disediakan penterjemah bahasa mereka di pejabat UNHCR cawangan Malaysia kerana lebih praktikal untuk mereka berurusan dengan penterjemah wanita berbanding lelaki. Ada isu dan permasalahan yang lebih sesuai

disampaikan kepada UNHCR dan pihak berkenaan melalui penterjemah wanita. Selain itu, penyelarasan yang baik di antara pertubuhan bukan kerajaan yang ingin membantu pelarian Yaman dengan pegawai kerajaan Yaman adalah sangat penting.

Temu bual berfokus yang dibuat juga berjaya menyingkap naratif kebencian kepada kerajaan negara asal para pelarian yang gagal mentadbir negara sehingga membawa kehancuran apabila mereka terpaksa melarikan diri ke negara lain. Selain dari mengungkapkan jerih perih menyelamatkan nyawa, mereka secara lantang menyalahkan kepimpinan negara mereka yang tidak kompeten dan menyebabkan mereka terpaksa melarikan diri ke negara lain. Bab ini juga menyerlahkan perasaan kagum para responden terhadap kejayaan wanita di Malaysia yang berpendidikan tinggi dan mempunyai kerjaya. Hasil temu bual yang dilakukan menunjukkan para pelarian wanita Islam ini berharap agar anak perempuan mereka dapat mengecapi kejayaan yang sama seperti wanita Malaysia yang dapat belajar dan bekerja dengan bebas. Hal ini secara tidak langsung membayangkan kedudukan wanita Islam di negara ini adalah jauh lebih baik seperti yang diungkapkan oleh para pelarian wanita berkenaan.

Bab ketiga buku ini juga ditulis oleh sebahagian panel penulis bab kedua yakni Fatima Al-Majdhoub, Azizah Hamzah dan Mohd Yahya Mohd Ariffin telah menekuni pelaporan media antarabangsa terhadap isu pelarian. Analisis isi kandungan berita yang dilaporkan oleh media antarabangsa seperti *Al-Jazeera* dan *British Broadcasting Corporation* (BBC) sepanjang tahun 2015-2016 telah dilakukan mengikut perspektif teori pembingkaian yang secara utama menilai pemaparan pelarian Islam dalam berita. Media antarabangsa semestinya menjadi platform pelaporan berita tentang pelarian yang menyentuh kepentingan sejagat untuk dikongsi dengan khalayak media yang meluas. Selain itu, elemen sensasi dan dramatik yang mempunyai nilai berita sentiasa menarik perhatian institusi media antarabangsa. Pada September 2015, gambar Aylan Kurdi, pelarian Syria yang terdampar di pantai Turki telah menggemparkan dunia dan dimuat naik dalam hantaran lebih tiga juta pemilik media sosial. Foto yang dramatik itu mendorong pencarian berita global tentang kebanjiran pelarian Syria ke Eropah.

Pemaparan pelarian dalam media telah menarik perhatian pengkaji komunikasi dan media selain juga linguistik. Secara umumnya, daptan kajian lalu menunjukkan pelbagai strategi pelaporan media tentang pelarian sebenarnya menyumbang kepada konstruksi yang serupa (KhosraviNik, 2009). Beliau yang membuat analisis laporan media British semasa konflik Balkan pada tahun 1999 dan pilihanraya umum di Britain pada 2005, membuat kesimpulan bahawa pemaparan pelarian dibentuk dalam polarisasi di antara "kita" dan "mereka". Pelarian sebagai "mereka" adalah ancaman kepada "yang lain", yang menyimpulkan sentimen anti-imigran yang berkait rapat dengan hal ehwal kedaulatan dan keperluan menjaga perbatasan negara (Pugh, 2004). Wacana tentang pelarian biasanya merujuk kepada golongan itu sebagai "bermasalah" dan "tidak sah" yang memberi "ancaman" (Pickering, 2001).

Bagi konteks tempatan, kajian terdahulu oleh Kiranjit Kaur pada 2007 menunjukkan pelaporan media arus perdana tempatan terhadap pelarian adalah minimum seiring dengan polisi negara yang tidak mengiktiraf mereka. Lebih banyak liputan yang dibuat adalah mengenai para pekerja asing atau imigran yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah. Menurut Kiranjit (2007, hlm. 9-10), pihak berkuasa menggunakan media untuk memaklumkan proses pengusiran para pekerja dan imigran tanpa dokumen dari Malaysia.

Selain itu, pelaporan media aliran perdana juga menumpukan kepada hukuman terhadap majikan yang menggaji pekerja asing dan pelarian. Arah liputan media tempatan lebih cenderung kepada tuduhan dan kebimbangan terhadap pelarian yang menyebarkan penyakit berbahaya, terlibat dalam aktiviti jenayah dan perlakuan keganasan. Walau bagaimanapun media alternatif seperti akhbar milik pertubuhan sivil seperti Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN) memberi pelaporan yang berbeza kerana bersifat lebih objektif dan bersimpati dengan pelarian.

Zuraidah dan Lee (2014) pula menyimpulkan bahawa pelaporan media di Malaysia tentang imigran dan pelarian telah memberi gambaran terhadap pelarian sebagai pendatang tidak sah, mangsa dan ancaman. Mereka telah menggunakan kaedah analisis wacana kritikal dan pendekatan wacana-sejarah untuk menganalisis teks berita untuk melihat bagaimana aktor sosial dipersembahkan dalam teks dan melihat suara elit berkumandang dalam berita. Pada akhirnya, kajian mereka menyimpulkan dikotomi pelaporan berita pelarian. Pertamanya, pelarian sebagai masalah besar yang perlu ditangani dan diuruskan. Keduanya, pelarian sebagai mangsa yang perlu dibantu. Dikotomi inilah yang menunjukkan perbezaan dalam menyerlahkan kepentingan tertentu dan memenuhi kepelbagaiagenda.

Bab ketiga buku ini memberikan suatu perimbangan kepada dapatan kajian oleh Kiranjit (2007) dan Zuraidah serta Lee (2014) yang menumpukan kepada media massa aliran perdana tempatan. Dapatan kajian bab ketiga buku ini menunjukkan *Al-Jazeera* lebih banyak memberi liputan tentang pelarian berbanding BBC. Para penulis telah menilai item berita dari pembingkaiannya kemanusiaan atau keselamatan. Analisis dalam bab ini juga dilakukan terhadap bingkai yang paling jelas seperti bingkai konflik, *human interest*, kesan ekonomi, moral dan tanggungjawab. Sebanyak 225 item berita telah dianalisis dari bulan Januari 2015 sehingga Disember 2016. Pada tempoh itu, jumlah pelarian dari Timur Tengah naik dengan mendadak. Jumlah pelarian merentas sempadan secara haram telah meningkat kepada 2.3 juta orang. Berita tentang pelarian Syria ke Eropah telah meningkat dalam pelbagai platform.

Skop kajian yang difokuskan kepada liputan Al Jazeera dan BBC oleh pengkaji adalah bersesuaian kerana kedua-duanya adalah media antarabangsa yang berpengaruh dan mewakili sudut pandangan yang berbeza. Al Jazeera adalah media yang dimiliki oleh kerajaan Qatar yang terkenal dengan arah liputan berita yang lebih adil kepada dunia Arab dan antarabangsa (Zingarelli, 2010). BBC pula adalah organisasi media awam yang bebas daripada campur tangan kerajaan (BBC most trusted media brand, 2009). Para pengkaji menggabungkan analisis kandungan kuantitatif dan analisis tekstual melalui pendekatan bingkai pelaporan untuk memberi dapatan kajian yang inklusif. Pendekatan kajian berasaskan teori pembingkaiannya oleh Entman (1993) dan Iyengar (1990) telah diperkuatkan oleh pengkaji dengan merujuk kepada De Vreese, 2005; Weaver, 2007; Semetko dan Valkenburg, 2000; Galander, 2008 dan Al-Majdhoub et al, 2013 (dalam Al Majdhoub et al., 2021, 73-75).

Yang menarik daripada analisis kandungan media yang dilakukan adalah kecenderungan media memaparkan isu pelarian dalam bingkai tanggungjawab. Al-Jazeera dan BBC memberi lebih ruang kepada bingkai berkenaan yakni sebanyak 31.1 peratus dari keseluruhan sampel item berita yang dianalisis. Hal ini dapat diperhatikan dalam analisis berikut:

Majority of the news stories focused on attributing the waves of the Muslims refugees to their oppressed regimes and the responsibility of some host government that could alleviate the problem of Muslim refugees...more than half of the articles portrayed the issue of Muslim refugees as requiring urgent intervention and presented suggestion and recommendation on how to solve the problem. (Al-Majdhoub et al., 2021: 78).

Pembingkaiannya isu pelarian sebagai konflik menunjukkan bahawa media antarabangsa masih cenderung memilih pelaporan sedemikian kerana elemen nilai berita yang dominan. Dalam sampel item kajian, didapati berita lebih banyak memaparkan konflik dan ketidaksetujuan antara negara Kesatuan Eropah untuk membuka atau menutup pintu sempadan kepada pelarian Islam. Peristiwa serangan terhadap ibu pejabat majalah Charlie Hebdo dan serangan terhadap pasar raya Kosher di Perancis antara item berita yang berterusan menunjukkan konflik kepada pelarian, terutamanya yang beragama Islam. Selain itu, lelaki dari Afrika Utara dan Timur Tengah sentiasa dijadikan fokus serangan akibat kebimbangan terhadap ancaman Al-Qaeda dan seumpamanya.

Bingkai human interest juga antara dapatan kajian yang menunjukkan Al-Jazeera dan BBC telah memotretkannya dengan menyuntik elemen emosi dalam pelaporan berita kepada umum. Berita itu juga dipersembahkan kepada khalayak untuk mencetuskan simpati atau kemarahan. Media juga melaporkan tentang insiden pelarian Syria dan Afghanistan yang dihalang oleh polis Hungary ketika mereka mahu ke negara ketiga seperti Austria dan Jerman. Sentimen kebencian yang berleluasa kepada kelompok pelarian dan imigran ini meninggalkan banyak isu antaranya jenayah kebencian yang meningkat berikutan bertambahnya pelarian ke Eropah.

Liputan oleh Al Jazeera dan BBC juga diperlihatkan melalui bingkai moral. Kebanyakan artikel menekankan kepentingan untuk kerajaan yang menjadi host kepada para pelarian untuk bertimbang rasa dan berlembut dengan para pelarian yang terdesak. Dalam liputan sepanjang dua tahun itu, Al Jazeera dan BBC menyiarkan seruan Dalai Lama, pemimpin agama yang bersuara kepada negara Eropah untuk bersifat belas dan bertimbang rasa kepada pelarian Islam. Dalam siri jelajah Afrika oleh Pope Francis, BBC telah menunjukkan sisi objektif Pope yang cuba menjadi orang tengah dalam konflik antara kelompok Islam dan bukan Islam di Afrika. Selain dari ketiga-tiga bingkai ini, media antarabangsa itu telah membentuk item berita dalam bingkai consequence, bingkai kemanusiaan dan keselamatan.

Bab keempat dalam buku ini adalah agak berbeza kerana Mustafa Wahbe, seorang penulis dan pereka grafik telah menyusun foto seramai 20 orang pelarian yang sedang menunggu penempatan di dunia ketiga. Berbeza dari isi kandungan bab terdahulu yang lebih akademik, bab keempat memberi peluang kepada pelarian agar lebih ‘santai’ dan menyuarakan wawasan dan jangkaan untuk masa hadapan mereka. Naratif yang didendang oleh pelarian Rohingya yang ditemu bual memberi kefahaman tentang jerih perih dalam hidup komuniti Islam yang didera, merentas hutan rimba dan lautan untuk mencari Cahaya baharu di negara berjiran, terutamanya Malaysia. Ada juga secarik kisah warga Syria yang bercita-cita menjadi chef yang terkenal biarpun terpaksa menuju ke negara lain kerana identiti sebagai pelarian.

Bab terakhir dalam buku ini merakamkan sejarah pelarian paling lama dalam konteks negara moden yakni pelarian dari Palestin. Ihab Ahmad Awais menggalurkan keadaan pelarian Palestin dalam zon konflik yang menyaksikan pergelutan mendapatkan pekerjaan,

menyerlahkan ketidakadilan dan membentuk wawasan untuk kebebasan sepenuhnya. Para penyunting buku ini menyifatkan bab kelima ini perlu ditulis dengan mendalam untuk memperlihatkan asal-usul hak untuk pulang (The Right of Return) bagi enam juta warga Palestin di seluruh dunia. Oleh itu, hak berkenaan perlu direalisasikan dengan kepulangan warga Palestin ke tanah air mereka sebagai tanda sokongan. Penulis bab kelima juga telah memberikan gambaran yang teliti sebagai latar belakang kepada isu pelarian Palestin yang ditandai pada tahun 1948 yang menerbitkan terminologi seperti pelarian, displaced, kem, United Nations Relief and Work Agency for Palestine in the Near East. Sejak itu jugalah bermulanya Nakba yang merujuk kepada situasi psikologi, sosial, ekonomi dan politik yang melanda warga Palestin akibat pengkhianatan rejim Zionis. Bab ini turut dilengkapi dengan rajah dan peta yang lengkap untuk menjadi bab terperinci yang secara implisitnya menyatakan isu pelarian paling lama di dunia itu masih tidak berkesudahan.

Secara keseluruhannya, buku *Refugees in Malaysia: Voices of the Displaced* telah ditulis dengan komprehensif untuk menjadi sebuah dokumentasi mengenai pelarian Islam di Malaysia terutamanya pelarian dari Myanmar dan Yaman. Walau bagaimanapun, kandungan buku ini boleh menjadi lebih menarik jika dapatan kajian kumpulan berfokus dapat diperjelaskan dan dibincangkan dengan lebih mendalam kerana ia adalah bab teras kepada buku ini yang menjunjung tema voices of the displaced. Pembaca terutamanya yang kritis mungkin menjangkakan perbincangan yang lebih mendalam kerana kaedah kajian yang melibatkan temu bual berkumpulan berfokus boleh menjadikan dapatan kajian lapangan itu lebih "kaya".

RUJUKAN

- Azizah Hamzah & Mohd Yahya Mohd Ariffin. (penyt.). (2021). *Refugees in Malaysia: Voices of the displaced*. Nilai: USIM Press.
- BBC: World largest broadcaster and most trusted media brand. (2010, October 5). *Media Newsline*. <https://archive.li/vR8cq#selection-841.0-857.25>.
- Bigo, D., (2000). When two become ones: Internal and external securitizations in Europe. Dalam Kelstrup, M., & Williams, M., (Penyt.), *International relations theory and the politics of European integration: Power, security and community*. London: Routledge.
- Kaur, K. (2007). *Media reporting on refugee issues in Malaysia*. University of New England Asia Centre. *Asia Papers*, No 13.
- Khosravi, Nik M (2009) The representation of refugees, asylum seekers and immigrants in British newspapers during the Balkan conflict (1999) and the British general election (2005). *Discourse & Society* 20, 477–498.
- Lohrman, R. (2000). Migrants, refugees and insecurity. Current threats to peace? *International Migration*, 38 (4).
- Majdhoub, F.A., Azizah Hamzah & Mohd Yahya Mohd Ariffin. (2021). Media coverage of the Muslim refugees: A content analysis of BBC and Al-Jazeera news. Dlm Azizah Hamzah & Mohd Yahya Mohd Ariffin (penyt.), *Refugees in Malaysia: Voices of the displaced* (hlm 68-89). Nilai: USIM Press.
- Pugh, M. (2004). Drowning not waving: Boat people and humanitarianism at sea. *Journal of Refugee Studies* 17: 50–69.

- Pickering, S. (2004). The production of sovereignty and the rise of transversal policing: People smuggling and federal policing. *Australian and New Zealand Journal of Criminology* 37, 362–379.
- They're asylum seekers.(2018, 21 Oktober). *The Star Online*. <https://www.thestar.com.my/nation/2018/10/21/unchr-theyre-asylum-seekers-myanmar-chin-featured-in-rage-report-dont-meet-international-definition/>
- United Nations High Commission for Refugees, Phillipines (2019). Persons of Concern to UNHCR in UNCHR2001-2019. <https://www.unhcr.org/ph/persons-concern-unhcr>
- Zingarelli, M., E. (2010). The CNN effect and the Al Jazeera effect in global politics and society. <repository.library.georgetown.edu/bitstream/handle/10882/553423/zingarelliMegan>
- Zuraidah, D, & Lee, C. (2014). Representing immigrants as illegals, threats and victims in Malaysia: Elite voices in the media. *Discoure & Society*, 25 (6) 687-705.